

# LAPORAN TAHUNAN ANNUAL REPORT

## 2012 | PUSTAKA NEGERI SARAWAK

PUSTAKA NEGERI SARAWAK
3 2000 001172898

staka-sarawak.com

27.5095922 PUS

## Kandungan | *Contents*


2 Latar Belakang Pustaka | *Pustaka Background*

3 Perutusan Pengerusi | *Message from the Chairman*

7 Carta Organisasi | *Organizational Chart*

8 Maklumat Korporat | *Corporate Information*

8 Lembaga Pengurusan | *The Board of Management*

10 Pihak Pengurusan | *The Management Staff*

17 Pencapaian Korporat | *Corporate Highlights*

19 Aktiviti – aktiviti Pustaka | *Activities around Pustaka*

33 Pencapaian Bahagian Penyerahan Bahan Terbitan | *Legal Deposit Division Highlights*

35 Ringkasan Statistik Korporat | *Corporate Statistical Summary*

36 Ringkasan Statistik Perkhidmatan Perpustakaan | *Library Services Statistical Summary*

39 Ringkasan Statistik Perkhidmatan Depositori | *Depository Services Statistical Summary*

41 Ringkasan Statistik Perkhidmatan Perpustakaan Awam | *Public Library Services Statistical Summary*

42 Pustaka Negeri Sarawak : Way Forward for 2013 - 2015

43 Penyata Kewangan | *Financial Statements*

## Latar Belakang Pustaka | *Pustaka Background*







**PUSTAKA NEGERI SARAWAK (SARAWAK STATE LIBRARY)**
Jalan Pustaka, Off Jalan Stadium, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 442000 | Faks/Fax: 6 082 449944

**PUSTAKA MIRI**
Jalan Kipas, Miri City Fan,98000 Miri, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 085 422525 | Faks / Fax : 6 085 414444

**REPOSITORI REKOD NEGERI (STATE RECORD REPOSITORY)**
Jalan Sultan Tengah, 93050 Petra Jaya, Kuching, Sarawak, Malaysia.
Tel: 6 082 440488 | Faks / Fax: 6 082 440484

### VISI | *VISION*

Menjadi wadah maklumat dan pengetahuan kepada negeri Sarawak.
*To be the reservoir and fountain of information and knowledge to the State.*

### MISI | *MISSION*

Memberi capaian kepada sumber maklumat dan memelihara warisan intelek negeri Sarawak untuk masyarakat di Sarawak.
*To provide access to information resources and to preserve Sarawak's intellectual heritage for the people of Sarawak.*

### OBJEKTIF | *OBJECTIVE*

Menggalakkan pembudayaan ilmu pengetahuan di negeri Sarawak.
*To promote acculturation of knowledge in the State.*

### SASARAN | *TARGET*

Memastikan semua individu di Sarawak dapat mengakses maklumat dan pengetahuan melalui Pustaka Negeri Sarawak.
*To ensure all individuals in the State have ready and easy access to information and knowledge through Pustaka Negeri Sarawak.*

PUSTAKA NEGERI SARAWAK LD/KCH
21 JAN 2015

## Perutusan Pengerusi | *Message from the Chairman*



Saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak bagi tahun 2012. Selaras dengan dua fungsi teras kami iaitu sebagai Perpustakaan Negeri dan Depositori Negeri, kami menyediakan kemudahan akses dan memelihara sumber maklumat yang diperlukan oleh pengguna dan masyarakat.

Keutamaan kami adalah untuk sentiasa memastikan masyarakat bergerak sebagai sebuah masyarakat bermaklumat dan mampu untuk mengambil bahagian dalam kehidupan sosial dan ekonomi negara. Oleh yang demikian, aktiviti dan perkhidmatan Pustaka Negeri Sarawak telah dirancang dan diadakan untuk mencapai kedua-dua objektif tersebut.

Sepanjang tahun, Pustaka Negeri Sarawak telah melaksanakan pelbagai siri acara dan program termasuk ceramah, pameran dan aktiviti kemasyarakatan sebagai salah satu matlamat untuk memastikan ianya bersesuaian dan bernilai kepada pengguna dan masyarakat. Kami yakin peningkatan yang berterusan dengan memperbanyakkan kandungan digital di dalam laman web kami dapat membantu para pengguna yang tidak dapat menggunakan perkhidmatan perpustakaan secara langsung.

Selain daripada usaha untuk meningkatkan infrastruktur dan sistem perpustakaan, kami juga mengguna pakai pelbagai penanda aras untuk memperbaiki kesediaan, akses dan kualiti perkhidmatan yang kami tawarkan.

Pustaka Negeri Sarawak telah disaingi oleh beberapa perpustakaan awam lain apabila penggunaan koleksi dan perkhidmatan perpustakaan mula menunjukkan penurunan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, terdapat peningkatan dalam bilangan ahli yang berdaftar dan aktif, penggunaan dalaman, peminjaman dan pemulangan bahan perpustakaan sejak tahun 2011. Kami mengambil kelebihan era digital ini untuk terus memperbaiki dan mengukuhkan perkhidmatan kami dengan menyokong kepentingan maklumat, pendidikan dan kebudayaan masyarakat.

Walaupun menghadapi pelbagai cabaran pada masa lalu, kami telah menetapkan strategi agar sentiasa kekal responsif terhadap keperluan pelanggan dan komuniti kami bagi memastikan perpustakaan masih lagi diperlukan walaupun dalam era yang semakin digital pada masa kini.

Pencapaian dan kejayaan Pustaka Negeri Sarawak sejak setahun yang lalu tidak akan tercapai tanpa sokongan dari semua pihak termasuklah ahli Lembaga Pengurusan, kaki-tangan Pustaka, sukarelawan dan rakan kerjasama.

Penghargaan dan terima kasih kepada para pengguna yang sentiasa berinteraksi dan menyokong perkhidmatan kami. Sesungguhnya melalui maklum balas dan cadangan yang tidak ternilai ini dapat meningkatkan lagi usaha untuk menambahbaik penyampa-ian perkhidmatan kami. Kami juga berharap agar maklum balas dan cadangan yang diterima dapat menghasilkan pelaksanaan yang lebih berkesan ke atas program dan aktiviti seperti yang telah dikenalpasti di dalam Pelan Korporat kami.

Laman web kami sentiasa terbuka untuk diakses. Hubungi kami di www.pustaka-sarawak.com

Selamat membaca!

**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo**
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak

## Perutusan Pengerusi | *Message from the Chairman*

*I am pleased to present the Annual Report and The Audited Financial Statements of Pustaka Negeri Sarawak for the year 2012. In line with our two core functions as the State Library and State Depository, we facilitate access to and preserve the information and knowledge resources needed by our users and the community.*

*Our priority has always been to ensure that our community moves appropriately to embrace the opportunities of the Information Society and that our people are able to participate in the social and economic life of the country. Pustaka Negeri Sarawak's activities and services were planned and carried out so as to provide potentials for making contributions to furthering both of these important objectives.*

*During the year, Pustaka Negeri Sarawak undertook series of public events and functions, including talks, exhibitions, outreach activities as one of the means to ensure its relevance and value to our users and community. The continuous enhancement in our website with more digital content, also provide access to users who are unable to use some of the Library's services directly.*

*Apart from continuously improving the library's infrastructure and system, we also used various benchmarking to improve the availability, accessibility and quality of the services we provide.*

*Pustaka Negeri Sarwak had to compete with other public libraries where the usage of library collections and services began to reflect a downward trend this year. However, there was an increase in the number of registered and active members, in-house usage and circulation since 2011. We took advantage of this digital age as we continue to improve and strengthen our services to support the informational, educational and cultural interests of the community we serve.*

*Despite challenges in the past, our strategy has always been to remain responsive to the needs of our customers and the community to ensure that even in this increasingly digital era, Library is still necessary.*

*Pustaka Negeri Sarawak's achievements and success over the past years would be not be possible without the support of so many, including members of the Board of Management, the staff, volunteers and partners.*

*Our gratitude and appreciation to our users who are in constant contact and in support of our services through their invaluable feedback and suggestions in efforts to improve our service delivery. Our hope is that such feedback and suggestions will continue to come, for a more effective execution of our programs and activities based on our Corporate Plan.*

*Our website at www.pustaka-sarawak.com remains open for you to access and interact with us.*

*Happy reading!*

***YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo***
*Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak*

## Carta Organisasi | *Organizational Chart*



## Maklumat Korporat | *Corporate Information*
## Lembaga Pengurusan | *The Board Management*



**YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo**
Pengerusi, Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak
*Chairman of the Board of Management Pustaka Negeri Sarawak*

**YB Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul Ghani**
Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
*Sarawak State Secretary*





**YBhg. Prof. Dr. Haji Abdul Rahman Deen**
Pengarah
Unit Pembangunan Tenaga Kerja Sarawak
*Director*
*Workforce Development Unit*

**Encik Sunny Si**
Peguambela & Peguamcara Pesuruhjaya Sumpah
Tetuan Si dan Rakan-Rakan
*Si & Associates Advocates & Solicitors*
Commissioner for Oath





**YBhg. Dato' Raslin Abu Bakar**
Ketua Pengarah
Perpustakaan Negara Malaysia
*Director General*
*National Library of Malaysia*



**Cik Lucy Wong**
Pengurus Pembangunan Perniagaan dan Perhubungan Korporat
Sarawak Information Systems Sdn. Bhd. (SAINS)
*Head, Business Development & Corporate Communications*
*Sarawak Information Systems Sdn. Bhd*



**YBhg. Prof. Dr. Fatimah Abang**
Timbalan Naib Canselor Universiti Malaysia Sarawak
*Deputy Vice Chancellor Universiti Malaysia Sarawak*

## Pihak Pengurusan | *The Management Staff*



**Japri Bujang Masli**
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif
*Acting Chief Executive Officer*



**Nesly Rebid**
Ketua Sektor Pengurusan Korporat
*Head of Sector, Corporate Management*



**Hayati Sabil**
Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan
*Head of Sector, Library Services*



**Arpah Adenan**
Ketua Sektor Perkhidmatan Depositori
*Head of Sector, Depository Services*



**Wan Mazli Wan Razali**
Ketua Sektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi
*Head of Sector, Information & Communication Technology*



**Hajjah Salina Haji Zawawi**
Pengurus Wilayah, Pustaka Miri
*Regional Manager, Pustaka Miri*

## Pustaka Negeri Sarawak | *Sarawak State Library*



**Duduk Di Hadapan, Dari Kiri / *Seated, In Front, From Left* :**
Maurice Braoh, Dayangku Horiah Awang Gani, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Laurena Aloh, Nesly Rebid Abdullah, Japri Bujang Masli, Arpah Adenan, Wan Mazli Wan Razali , Paidi Amat Mokito, Kian Ak Tungku

**Barisan Pertama, Dari Kiri / *First Row, From Left* :**
Haspidawati Haji Bujang, Norlailawaty Ismail, Sharifah Seria Wan Razali, Norassima Sitam, Alvaenna Valentine, Anita Haji Hamdan, Ismewatti Haji Narawi, Norasfia Zainal, Noranita Haji Kerim, Suria Sonia Ahip Abdullah, Chai Yeu Shaw, Helizah Rapaee, Rina Ak Rimong, Ainie Umairah Lee Abdullah, Nur Syamimi Abdullah, Nor Juliet Edward Munyug Abdullah

**Barisan Kedua, Dari Kiri / *Second Row, From Left* :**
Nor-Asemah Drahman, Roszan Nawi, Amirewady@Amir Hamzah Haji Ahmad, Abdul Pharid Abdul Rahman, Awang Affizan Awang Maulana, Arman Chee, Siti Munirah Idris, Tonny Sherbern, Mohammad Sukaimi Haji Bujang, Musa Ayub Abdul Rahman, John Ak Nyo-em, Saufie Taram, Mohd. Eqbal Mahmud, Nur Asikin Ahmad, Aidashermilla Hashim, Khuzainah Khalid, Mohamed Ismauli Abdul Wahab

**Barisan Pertama, Dari Kanan / *First Row, From Left* :**
Norzihan Abdullah, Alya Faeeqah Hamali, Nor Diana Nawawi, Sarinah Kassim, Shafizaz Afidia Andrew Affendy, Masni Morshidi, Rozanna Octovia, Drang Jite, Jassalini Jamain, Freda Padel, Jeysi Halmi, Nur Ashikin Haji Ahmad, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Veronica Edward Sidi, Zuraidah Mat, Ammie Syarina Mohd. Jelani, Fatimah Yahya

**Barisan Kedua/Dari Kanan / *Second Row, From Left* :**
Mohammad Abdullah Hamdan, Wan Idrus Wan Razali, Ramdzan Haji Saman, Izaruddin Moss, Ahmad Hadafi Pozi, Suhaili Haji Morsidi, Daut Bogol, Mohammad Nazari Razali, Suhaimi Bemban, Cyprian Eldred Rossem, Henry Leo, Sehih Lui, Idris Morni, Zainal Ali

## Pustaka Miri | *Pustaka Miri*



**Barisan Hadapan, Dari Kiri / *First Row, From Left* :**
Mohd. Khadzrie Mohd. Ramzie Faizal, Abdul Aziz Bujang, Ahmad Samsudin, Japri Bujang Masli, Salina Zawawi, Lilian Baun Pulo

**Barisan Kedua, Dari Kiri / *Second Row, From Left* :**
Awangku Khalifah Awang Medahi, Mohd. Afis Adenan, Abdul Rahman Abdul Rahim, Mohamad Al-Hafiz Shahran, Norfadila Sukardi, Masni Abdullah, Mastinah Hassin, Jamilah Juli

**Barisan Ketiga, Dari Kiri / *Third Row, From Left* :**
Muhd. Zaidi Zulkiflee, Fazrul Sapiee, Kaberi Sinau, Mohd. Bakthiar Supardi, Mornira Morris, Kimberley Stefanie, Nur Alia Qaytrina Sim Abdullah, Georgiana Usun Jok, Siti Rohana Saat

**Barisan Keempat, Dari Kiri / *Fourth Row, From Left* :**
Mohd. Rasyeddin Abdul Karim, Yusri Bujang, Nur Aiman Nicholas Luyoh, Abg. Mohd. Waliyuddin Abg. Januari, Norfaezan Abdul Jalil, Violet Loh, Nordiana Zaini, Suzanna Abdullah

**Barisan Belakang, Dari Kiri / *Back Row, From Left* :**
Awang Yunos Awang Hussain, Abdul Aziz Kassim, Khuzainah Khalid, Azriana Enna Bong, Zuwahir Ilias, Norayah Adenan

## Sektor Perkhidmatan Perpustakaan | *Library Services Sector*



**Barisan Hadapan, Dari Kiri / *First Row, From Left* :**
Kian Anak Tungku, Sharifah Seria Wan Razali, Nur Syamimi Abdullah, Nadzrah Mohd. Othman, Haslizawati Johan, Alvaenna Valentine, Veronica Edward Sidi, Rina Ak Rimong

**Barisan Kedua, Dari Kiri / *Second Row, From Left* :**
Suhaili Haji Morsidi, Nur Nadhirah Frida Abdullah, Ong Soon Foong, Norlailawaty Ismail, Ainie Umairah Lee Abdullah, Zuraidah Mat, Henry Leo

**Barisan Belakang, Dari Kiri / *Back Row, From Left* :**
Muhammad Ali Abdul Wahab, Norassima Sitam, Fatimah Yahya, Hayati Haji Sabil, Khuzainah Khalid, Vincent Jinap, Awangku Affizan Awang Maulana

## Sektor Perkhidmatan Depositori | *Depository Services Sector*



**Barisan Hadapan, Dari Kiri / *First Row, From Left* :**
Roszan Nawi, Afiza Ibrahim, Rozanna Octovia, Nor Diana Nawawi, Jassalini Jamain, Arpah Adenan, Dayangku Horiah Awang Gani, Jeysi Halmi, Shafinaz Afidia Andrew Affendi, Nor Asemah Drahman

**Barisan Belakang, Dari Kiri / *Back Row, From Left* :**
Saufie Taram, Ahmad Hadafi Pozi, Suhaimi Bemban, Ramdzan Haji Saman, Mohd. Eqbal Mahmud, John Nyo-em

## Sektor Pengurusan Korporat | *Corporate Management Sector*



**Berdiri, Kiri / *Standing, Left* :**
Mohamed Ismauli Abdul Wahab, Idris Morni, Daut Bogol, Haspidawati Haji Bujang, Norzihan Abdullah

**Duduk, Hadapan, Kiri / *Seated, Front, Left* :**
Cyprian Eldred Rossem, Arman Chee

**Duduk, Belakang, Kiri / *Seated, Back, Left***
Helizah Rapaee, Norasfia Zainal, Suria Sonia Ahip Abdullah, Ammie Syarina Mohd. Jelani, Laurena Aloh, Nesly Rebid Abdullah, Japri Bujang Masli (Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif), Paidi Amat Mokito, Masni Morshidi, Anita Haji Hamdan, Ismewatti Haji Narawi, Siti Munirah Idris

**Berdiri, Hadapan, Kanan / *Standing, Front, Left***
Nur Ashikin Haji Ahmad, Alya Faeeqah Hamali, Wan Idrus Wan Alla, Mohammad Nazari Razali, Abdul Pharid Abdul Rahman

## Sektor Teknologi Maklumat & Komunikasi | *Information & Communication Technology Sector*



**Dari Kiri / *From Left* :**
Nor Juliet Edward Munyug, Jimmy John, Mohammad Sukaimi Haji Bujang, Tonny Sherbern, Wan Mazli Wan Razali, Zainal Ali, Musa Ayub Abdul Rahman, Abdul Afiq Abdul Aziz, Freda Padel

## Bahagian Penyelidikan & Pembangunan | *Research & Development Division*



**Dari Kiri** / ***From Left*** :
Natalia Muhamad, Dayangku Hadzimah Awangku Ahmad, Bronny Lawrence Nawe

## Audit Dalaman | *Internal Audit*



Maurice Braoh



## PENYERTAAN PUSTAKA MIRI DALAM KONVENSYEN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S PERINGKAT WILAYAH SARAWAK & SABAH

Buat julung kalinya Pustaka Miri adalah antara 11 jabatan dan organisasi dari Sarawak dan Sabah yang telah menyertai Konvensyen Persekitaran Berkualiti QE/5S Peringkat Wilayah Sarawak dan Sabah yang diadakan di salah sebuah hotel terkemuka di Bandaraya Kuching. Konvensyen yang berlangsung pada 11 - 12 Julai 2012 ini adalah anjuran pihak Malaysia Productivity Corporation (MPC) untuk memberi pendedahan kepada organisasi mengenai pelaksanaan sistem persekitaran berkualiti. Pencapaian yang diperolehi oleh Pustaka Miri di dalam konvensyen ini amat membanggakan apabila berjaya dianugerahkan Pencapaian 3 Bintang sekaligus melayakkan Pustaka Miri ke Konvensyen Kebangsaan Persekitaran Berkualiti QE yang diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 2012.

## *PUSTAKA MIRI'S PARTICIPATION IN THE QUALITY ENVIRONMENT QE/5S CONVENTION, SARAWAK & SABAH STATE LEVEL*



*Participating for the first time, Pustaka Miri were amongst the 11 departments and organisations that took part in the Quality Surrounding QE/5S Convention that was held on the 11 - 12th July 2012 at one of Kuching's renowned hotel. The event was one of Malaysia Productivity Corporation (MPC) efforts to expose organisations with new information on the implementation of the quality surrounding system. Pustaka Miri was the proud recipient of the 3- star award which had further qualified them to participate at the national level "Konvensyen Kebangsaan Persekitaran Berkualiti QE" that was held in Kuala Lumpur, October 2012.*



## PUSTAKA MIRI MENYERTAI KONVENSYEN KEBANGSAAN PERSEKITARAN BERKUALITI QE/5S

Pustaka Miri telah mengorak langkah setapak lagi dengan menyertai Konvensyen Kebangsaan Persekitaran Berkualiti QE/5S pada 15 -17 Oktober 2012 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Pustaka Miri telah dianugerahkan pingat Perak. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan kerana ianya merupakan penyertaan kali pertama Pustaka Miri di dalam konvensyen seumpama ini. Penyertaan Pustaka Miri ke konvensyen ini telah memberi pengetahuan dan pengalaman baru kepada proses penambahbaikan Sistem Persekitaran Berkualiti 5S dan akan dikongsi bersama dengan Pustaka Negeri Sarawak.

## *PUSTAKA MIRI AT THE NATIONAL CONVENTION ON QUALITY ENVIRONMENT QE/5S*



*Another leap forward for Pustaka Miri was their participation in the National Level Convention on Quality Environment QE/5S at KLCC on 15th-17th October 2012. Being awarded with the silver medal was a proud achievement for Pustaka Miri as this was their first participation.With their exposure to new ideas and knowledge, Pustaka Miri is able to share their experience with Pustaka Negeri Sarawak on how to further improve the system.*



**PENSIJILAN SEMULA 5S, 30 OKTOBER 2012**

Pada 30 Oktober 2012, Encik Izani Ishak dari MPC Cawangan Sarawak telah membuat penilaian untuk pensijilan semula 5S yang turut merangkumi Bangunan Repositori Rekod Negeri, Jalan Sultan Tengah. Semasa penutupan penilaian, ternyata Encik Izani Ishak amat berpuas hati dengan amalan 5S yang telah dilaksanakan oleh Pustaka Negeri Sarawak. Pustaka Negeri Sarawak telah berjaya mendapat pensijilan semula amalan 5S dengan markah sebanyak 88.8 %.

*CERTIFICATION OF 5S ON 30 OCTOBER 2012*



*Prior to being awarded the 5S certification, Mr. Izani Ishak from Malaysia Productivity Corporation, Sarawak Branch conducted an inspection and assessment exercise on 30th October 2012. In his closing remark, he said he was impressed and pleased with the 5S practice or system implemented by Pustaka Negeri Sarawak. Pustaka Negeri Sarawak was accorded a 88.8% score and subsequently awarded the 5S certification.*



### HARI BERSAMA PELANGGAN BERSEMPENA BENGKEL PENULISAN ESEI SEJARAH

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak (PSMCS) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Esei Sejarah di Hotel One Santubong pada 13 – 15 Januari 2012. Seramai 80 orang peserta program ini telah mendaftar menjadi ahli percuma selama setahun di Pustaka Negeri Sarawak. Sempena bengkel ini, Pustaka Negeri Sarawak telah mempamerkan perkhidmatan-perkhidmatan seperti u-Pustaka, Kesedaran Bahan-bahan Terbitan, "*Information Repackaging*", buku dan CD Siri Sarawakiana dan buku hasil tulisan Mendiang Ho Ah Choon. Sebanyak 220 buah buku telah berjaya dijual sepanjang pameran tersebut.

### *CUSTOMER'S DAY IN CONJUNCTION WITH HISTORY ESSAY WRITING WORKSHOP*



*Pustaka Negeri Sarawak in collaboration with Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak (PSMCS) organised a workshop on History Essay Writing which was held on 13th - 15th January 2012 at the Hotel One Santubong. About 80 people participated and were given a year free membership at Pustaka Negeri Sarawak. In conjunction with the event, Pustaka Negeri Sarawak displayed its services such as U-Pustaka, Legal Deposit's publication, Information Re-packaging, books and CD on Sarawakiana Series and writings by the late Ho Ah Choon. About 220 books were sold during the display.*



### BENGKEL SENI MENARIK RAMAI PERHATIAN

Pustaka Miri telah menganjurkan Bengkel Wanita Kreatif : *Decoupage* - Seni Hiasan Ala Inggeris pada 28 Januari 2012 di Bilik Serbaguna, Pustaka Miri dan fasilitatornya adalah peminat *decoupage* tempatan Vivi Shalawati Ahmad.Bengkel ini ber tujuan untuk mengajar peserta kemahiran *decoupage* yang boleh digunakan oleh suri rumah serta wanita yang bekerja untuk menjana pendapatan sampingan. Kira-kira 30 peserta termasuk kaum lelaki turut belajar menggunakan teknik-teknik kemahiran membuat sendiri dan berpeluang membawa pulang hasil seni kraf-tangan mereka.

### *INTERESTING ART WORKSHOP ATTRACTED MANY*



*Pustaka Miri organized Creative Women Workshop: Decoupage – English-Styled Decorative Art (Bengkel Wanita Kreatif: Decoupage – Seni Hiasan Ala Inggeris) on 28th January 2012 at the library's Multipurpose Room and the facilitator is a local decoupage enthusiast, Vivi Shalawati Ahmad.The workshop taught the participants decoupage skills which can be used to generate side income for housewives as well as working women. Some 30 participants, including men, learnt the easy-to-apply techniques hands-on and brought home their masterpieces.*



### PROGRAM JELAJAH U-PUSTAKA DI LUNDU, LINGGA, ENGKILILI & BELADIN

Program Jelajah u-Pustaka telah diadakan dengan jayanya di Perpustakaan Awam Lundu pada 16 Februari 2012. Seramai 40 orang peserta dari SMK Sematan dan SMK Lundu telah mengikuti sesi taklimat u-Pustaka ini. Program yang sama juga diadakan pada 22 Februari 2012 di Pusat Jalur Lebar Komuniti Lingga. Pada 23 Februari 2012 pula, program jelajah u-Pustaka diteruskan ke Pusat Jalur Lebar Komuniti Engkilili dan akhir sekali, jelajah u-Pustaka telah ke Pusat Jalur Lebar Beladin pada 24 Februari 2012. Seramai 35 orang pelajar SK Beladin dan SMK Beladin telah mengikuti program ini.

### *U-PUSTAKA ROAD SHOW IN LUNDU, LINGGA, ENGKILILI & BELADIN*



*The u-Pustaka Road Show was successfully held at Perpustakaan Awam Lundu on 16th February 2012. 40 participants from SMK Sematan and SMK Lundu attended the briefing on U-Pustaka.The same programme was held on 22nd February 2012 at Pusat Jalur Lebar Komuniti Lingga.On 23rd February 2012, the Road Show on U-Pustaka proceeded to Pusat Jalur Lebar Komuniti Engkilili. The last stop was the Pusat Jalur Lebar Beladin on 24th February 2012 which received participation of 35 students combined, from both SK Beladin and SMK Beladin.*



### PAMERAN TATU BORNEO DI PUSTAKA MIRI MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT

Pustaka Miri telah menganjurkan pameran 'Mengenali Tatu / Seni Cacah Suku Bangsa Borneo' yang telah menarik perhatian kira-kira 600 orang pengunjung ke perpustakaan tersebut. Pameran ini telah diadakan selama 2 hari bermula 24-25 Februari 2012 di Ruang Legar, Aras Bawah, Pustaka Miri.Selain daripada pameran, terdapat juga gerai jualan bahan berkaitan dengan tatu seperti baju-t, buku dan sebagainya diadakan.

### *BORNEO TATTOO SHOWCASE AT PUSTAKA MIRI RECEIVED OVERWHELMING RESPONSE*



*Pustaka Miri organized a showcase on 'Getting To Know Borneo Tribal Tattoo' (Mengenali Tatu / Seni Cacah Suku Bangsa Borneo) recently and it attracted some 600 visitors to the library.The showcase was held for 2 days on 24th-25th February 2012. It started off with an exhibition at the library's Ground Floor Foyer.Apart from the exhibition, there were booths selling tattoo-related t-shirts, books and other merchandises.*



### DRAMA MUZIKAL 'METAMORFOSIS' DI PUSTAKA MIRI

Pada 25 Februari 2012, Pustaka Miri dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak telah mengadakan pementasan drama muzikal bertajuk 'Metamorfosis'. Seramai 200 orang telah hadir untuk menonton drama muzikal yang telah diadakan bermula jam 2:00-5:00 petang di Auditorium, Pustaka Miri. Metamorfosis' telah memenangi Anugerah Koreografer Terbaik untuk Pertandingan Drama bagi Piala Ketua Menteri Sarawak pada bulan Oktober 2011. Walaupun persembahan pementasan untuk drama muzikal ini agak sederhana kerana ianya merupakan drama kontemporari, namun mesej yang cuba untuk disampaikan adalah setiap orang berhak diberi peluang untuk berjaya dan cemerlang dalam apa jua bidang yang mereka ceburi.

### *'METAMORFOSIS' MUSICAL DRAMA AT PUSTAKA MIRI*



*Institut Pendidikan Guru Sarawak Campus collaborated with Pustaka Miri to stage a musical drama entitled 'Metamorfosis' recently on 25th February 2012. About 200 people attended the function, which was staged in Bahasa Malaysia, in the library's Auditorium from 2:00pm-5:00pm. 'Metamorfosis' won the Best Choreographer Award during the 2011 Sarawak Chief Minister Cup Drama Competition in October 2011. Although the staging for the musical drama was simple being a contemporary drama, the message it tried to convey was that everyone deserves a chance to shine and has something to offer.*



### PELANCARAN PERKHIDMATAN 'TABLET PC' DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Perkhidmatan 'Tablet PC' mula diperkenalkan di Pustaka Negeri Sarawak pada tahun 2011 semasa Bengkel Sudut Lincoln dengan harapan untuk merevolusikan cara pengguna dalam pembelajaran dan komunikasi. Berdasarkan maklumbalas positif yang diperoleh daripada bengkel tersebut, Pustaka Negeri Sarawak telah melancarkan satu perkhidmatan baru di mana iPad dan Kindle E-Reader telah disediakan bagi mereka yang tidak mampu untuk membeli 'Tablet PC' mereka sendiri. Upacara perasmian 'Tablet PC' telah dilancarkan oleh Cik Lucy Wong Mee Ling, Ahli Lembaga Pengurusan, Pustaka Negeri Sarawak pada 2 Mac 2012 di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. 2 unit iPad dan 4 unit Kindle E-Reader telah disumbangkan oleh Kedutaan Amerika Syarikat untuk Sudut Lincoln, Pustaka semasa majlis pelancaran tersebut.

### *LAUNCHING OF TABLET PC SERVICE AT PUSTAKA NEGERI SARAWAK*



*The tablet pc service was first introduced at Pustaka Negeri Sarawak during the 2011 Lincoln Corner Workshop with the hope of revolutionizing the users' way of learning and communicationg. Based on the positive feedback gained from the workshop, Pustaka Negeri Sarawak has launched a new service where iPad and Kindle E-Reader are made available for those who are unable to purchase their own tablet PC. The Tablet PCs ceremony was successfully launched by a member of Pustaka Board of Management, Lucy Wong Mee Ling on 2nd March 2012 at Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. 2 units of iPad and 4 units of Kindle E-Reader were donated by the United States Embassy to the Lincoln Corner, Pustaka Negeri Sarawak during the launching ceremony.*



## CERAMAH HARGAI ALAM SEMULAJADI UNTUK MENGGALAKKAN KESEDARAN ALAM

Pustaka Miri sekali lagi bekerjasama dengan salah satu daripada rakan pintar iaitu Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) Cawangan Miri untuk menjalankan ceramah mengenai 'Hargai Alam Semulajadi' pada 3 Mac 2012. Seramai 60 orang pelajar telah menyertai program ini.Ceramah ini telah diadakan di bilik AV pada jam 9.00 pagi dengan menjemput 2 orang penceramah iaitu Sunni bin Mali (Renjer Taman Perlindungan Hidupan Liar Sibuti) dan Peter Pillai (Pengerusi MNS Cawangan Miri). Mereka telah berkongsi slaid persembahan yang berwarna-warni yang memaparkan flora dan fauna yang indah di Taman Negara Niah dan Mulu. Ceramah ini juga meliputi aspek perjalanan alam termasuk langkah berjaga-jaga yang perlu diambil serius apabila menghadapi serangga dan haiwan berbahaya.

## *TALK ON 'APPRECIATING NATURE WALKS' PROMOTE AWARENESS ON NATURE*



*Pustaka Miri has once again collaborated with one of its smart partners – Malaysian Nature Society (MNS) Miri Branch to conduct a talk on 'Appreciating Nature Walks' on 3rd March 2012. Some 60 students joined the program. This event took place in the AV Room at 9:00am and the 2 invited speakers were Sunni bin Mali - Sibuti Wildlife Sanctuary's Park Ranger and Peter Pillai - MNS Miri Branch Chairman.They shared colourful slides on nature walks which featured the beautiful flora and fauna at Niah and Mulu National Parks. The talk also covered aspects of nature walks including precautions that need serious attention when encountering dangerous insects and animals.*



## PAMERAN INTEGRASI BORNEO II: FUSION OF BORNEO ART

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menganjurkan Pameran Integrasi Borneo II: Fusion of Borneo Art pada 9-13 April 2012 bertempat di Ruang Legar Aras Bawah, Pustaka Negeri Sarawak. Pelbagai hasil karya seni dalam media 2D & 3D yang dihasilkan oleh mahasiswa dan mahasiswi Tahun 2 Program Teknologi Seni Visual, Sekolah Pengajian Seni, UMS serta koleksi-koleksi Sarawakiana yang terdapat di Pustaka Negeri Sarawak telah dipamerkan.Majlis pelancaran pameran tersebut telah disempurnakan oleh Encik Paidi Amat Mokito, Akauntan Pustaka Negeri Sarawak mewakili Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Japri Bujang Masli.

## *FUSION OF BORNEO ART*



*In collaboration with Universiti Malaysia Sabah (UMS), Pustaka Negeri Sarawak held an exhibition on Fusion of Borneo Art from 9th-13th April 2012 at the Ground Floor Lobby of the Pustaka. The exhibition showcased 2D and 3D artwork produced by UMS's 2nd year undergraduates from the Visual Technology Programme and School of Arts.The exhibition also displayed the Sarawakiana collection that are available in Pustaka Negeri Sarawak. The event was officiated by Mr. Paidi Amat Mokito, Accountant of Pustaka Negeri Sarawak on behalf of the Acting CEO, Mr. Japri Bujang Masli.*



**CERAMAH INTEGRITI AKADEMIK DAN PLAGIAT DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK**

Lebih daripada 40 orang termasuk pensyarah universiti, guru sekolah, pelajar dan penulis mempunyai pemahaman yang lebih baik mengenai integriti akademik dan plagiat semasa ceramah yang diadakan pada 13 April 2012 di Pustaka Negeri Sarawak. Penceramah jemputan adalah Dr Ting Shu Hie, seorang pensyarah Bahasa Inggeris di Pusat Pengajian Bahasa, Universiti Malaysia Sarawak. Beliau telah membentangkan beberapa kertas kerja yang menyelidik kepada tanggapan intergriti akademik dalam konsep, pelaksanaan dan pelaporan.Dalam ceramah tersebut juga peserta didedahkan kepada maklumat mengenai pengesanan amalan tidak beretika dalam penerbitan dan reaksi masyarakat penyelidikan dan institusi gabungan penulis.

***TALK ON ACADEMIC INTEGRITY AND PLAGIARISM AT PUSTAKA NEGERI SARAWAK***



*More than 40 people including university lecturers, school teachers, students and writers had a better understanding on academic integrity and plagiarism during a talk held on 13th April 2013 at Pustaka Negeri Sarawak.The speaker Dr. Ting Shu Hie who teaches English at the Centre for Language Studies, Universiti Malaysia Sarawak, presented several papers to examine the notion of academic intergrity in the conceptualization, implementation and reporting of research. During the talk, the participants were also exposed to information on detection of unethical practices in publications and response of the research community and the instituitions to which the authors were affiliated.*



**PUSTAKA NEGERI SARAWAK SERTAI PAMERAN HARI HARTA INTELEK NEGARA 2012**

Pustaka Negeri Sarawak telah menyertai Pameran Hari Harta Intelek Negara 2012 pada 27-28 April 2012 bertempat di Sultan Ahmad Shah International Convention Centre (SASICC) Kuantan, Pahang. Sambutan Hari Harta Intelek Negara 2012 ini telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato Sri' Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob, Menteri Yaakob, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kepenggunaan. Tapak pameran Pustaka Negeri Sarawak telah dikunjungi oleh lebih dari 200 orang pengunjung yang berminat dengan koleksi terbaru Siri Sarawakiana dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pustaka Negeri Sarawak dan menyertai kuiz Pustaka.

***PUSTAKA NEGERI SARAWAK PARTICIPATES IN THE 'HARI HARTA INTELEK NEGARA 2012' EXHIBITION***



*Pustaka Negeri Sarawak took part in the 'Hari Harta Intelek Negara 2012' Exhibition which was held on 27th-28th April 2012 at Sultan Ahmad International Convention Centre (SASICC), Kuantan, Pahang. It was officiated by the Minister of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob. Pustaka's exhibition booth attracted more than 200 visitors who showed deep interest in the latest Sarawakiana Collection Series and other services offered by Pustaka Negeri Sarawak. Some of the visitors even participated in the Pustaka Quiz.*




### 300 ORANG MENGAMBIL BAHAGIAN DALAM PERADUAN *'BATIK IN THE SUN'*

Sebanyak 12 pasukan yang terdiri daripada kira-kira 300 orang telah mengambil bahagian dalam Pertandingan 'Batik in the Sun' yang dianjurkan oleh Pustaka Miri pada 12 Mei 2012. Pertandingan ini telah diadakan di Panggung Terbuka City Fan dan tetamu kehormat ialah Datuk Bandar Lawrence Lai Yew Son. Pertandingan Batik ini dianjurkan adalah bersempena dengan perayaan Hari Bandaraya Miri serta bersempena dengan sambutan ulang tahun ke-10 Pustaka Miri. Hadiah telah diberikan kepada pemenang mengikuti katergori Kumpulan Batik Terbaik, Batik Pasukan Paling Kreatif, Pasukan Paling Sporting, Individu Berbatik Paling Comel dan Individu Berbatik Paling Segak.

### *300 PEOPLE PARTICIPATE IN 'BATIK IN THE SUN' CONTEST*



*A total of 12 teams comprising of 300 people participated in the 'Batik in the Sun' competition organized by the Pustaka Miri on 12th May 2013. The competition was held at the City Fans' amphitheatre and the guest of honour was Mayor Lawrence Lai Yew Son. The Batik competition was organized in conjuction with Miri City Day festival as well as to commemorate Pustaka Miri's 10th anniversary celebration. Prizes were awarded for Best Batik Team, Most Creative Batik Team, Most Sporting Team, Cutest Batik Individual and Smartest Looking Batik Individual.*



### KEMPEN KEBERSIHAN : SAYA SAYANG PUSTAKA, (PERSEKITARAN BERSIH, MINDA CERDAS)

Pada 16 Mei 2012,Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Kempen Kebersihan: Saya Sayang Pustaka.Kempen kebersihan yang telah dirasmikan oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Pustaka Negeri Sarawak ini merupakan salah satu inisiatif daripada Komiti 5S Pustaka Negeri Sarawak bagi mewujudkan amalan persekitaran berkualiti (5S) dalam usaha menjadikan Pustaka Negeri Sarawak sebagai kawasan yang bersih, indah dan selamat kepada orang awam dan pengunjung. Salah satu pengisian program untuk kempen kebersihan ini adalah aktiviti menggantung poster dan banting kempen kebersihan di pokok-pokok di sekitar taman dan bangunan Pustaka Negeri Sarawak.

### CLEANING CAMPAIGN: *'I LOVE PUSTAKA' (A CLEAN ENVIRONMENT, AN ACTIVE MIND)*



*The cleaning campaign 'I Love Pustaka' initiated by the 5S Committee members of Pustaka Negeri Sarawak was launched on 16th May 2012 by Pustaka's Acting CEO, Mr. Japri Bujang Masli. The main objective was to enforce the 5S practice towards making Pustaka Negeri Sarawak a clean, safe and beautiful place for the public and visitors. One of the activities held during the campaign, was hanging the posters and buntings on trees within the premise and compound of Pustaka Negeri Sarawak.*



## PUSTAKA ANJUR PROGRAM *"MOVIE NIGHT UNDER THE STARS"*: GENG PENGEMBARAAN BERMULA

Pada 26 Mei 2012, Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) telah menganjurkan program Movie Night Under the Stars di Dataran Pustaka. Penganjuran program ini diharap dapat mempromosikan Pustaka sebagai pusat gedung ilmu dan pusat riadah masyarakat di samping mendedahkan fungsi perpustakaan kepada masyarakat. Filem "Geng Pengembaraan Bermula: Upin dan Ipin" yang berlangsung selama 3 jam ini telah ditayangkan kepada 600 orang penonton.Turut diadakan sesi cabutan bertuah dan sebanyak 20 buah hadiah disediakan pada malam tersebut. Program tahunan ini diadakan dua kali dalam setahun.

## *"MOVIE NIGHT UNDER THE STARS" : GENG PENGEMBARAAN BERMULA*



*On 26th May 2012, Pustaka Negeri Sarawak in collaboration with Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) held the 'Movie Night Under The Stars' programme at Dataran Pustaka. The event aims at promoting Pustaka Negeri Sarawak as a Resource and Recreation Centre as well as to create the awareness of its roles and functions to the community. The film 'Geng Pengembaraan Bermula: Upin & Ipin' was screened to about 600 audiences for 3 hours. There were lucky draws for 20 prizes. This annual event are held twice in a year.*



## HARI BERSAMA PELANGGAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK DI GIANT HYPERMAKET KUCHING.

Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan pada 26-27 Mei 2012 di Giant Hypermarket, Tabuan Jaya. Antara program yang diadakan ialah kempen keahlian percuma Pustaka, kempen kesedaran bahan-bahan terbitan dan promosi pangkalan data atas talian. Seramai 177 orang telah mendaftar dan memperbaharui keahlian mereka.Pengunjung yang mendaftar dan memperbaharui keahlian berpeluang menerima cenderamata eksklusif dan baucer dari Pustaka dan Giant Hypermarket. Program ini diharap dapat mempromosikan perkhidmatan dan aktiviti ilmiah yang ditawarkan oleh Pustaka kepada orang awam dan seluruh masyarakat setempat.

## *PUSTAKA NEGERI SARAWAK CUSTOMER'S DAY AT GIANT HYPERMARKET KUCHING*



*Pustaka Negeri Sarawak organized its Customer's Day on 26th & 27th May 2012 at Giant Hypermarket. Programs lined up for the customers were free membership campaigns and legal deposit awareness as well as promotion on online database services. Such activities were held with the hope to promote our services and educational activities to the public and community. The initiative successfully attracted 177 new members including renewals of membership, who in return received exclusive souvenirs from Pustaka and vouchers from Giant Hypermarket.*



## BENGKEL 'HOMEMADE CHOCOLATE' MENDAPAT SAMBUTAN RAMAI

Unit Perkhidmatan Maklumat Niaga, Sektor Perkhidmatan Perpustakaan telah mengadakan bengkel keusahawanan iaitu Bengkel "Homemade Chocolate" pada 16 Jun 2012. Bengkel ini telah dihadiri oleh 60 orang peserta. Fasilitator bengkel ini adalah Puan Sharifah Nur Diana Wan Mustapha, seorang usahawan muda dalam bidang pembuatan coklat dan pemilik kedai coklat Chubblechox. Bengkel ini diadakan bertujuan untuk memberi pengetahuan dan pendedahan kepada para peserta mengenai pembuatan coklat di rumah. Diharap para peserta dapat menghasilkan produk coklat sendiri dan menambah hasil pendapatan.

## WORKSHOP ON HOMEMADE CHOCOLATE RECEIVES ENCOURAGING RESPONSE



*On 16th June 2012, The Business Information Unit, Library Services Sector organised a 'Homemade Chocolate' workshop as a platform for participants to learn the skills to produce homemade chocolates as mean to produce their own chocolate-based products and generating more income. 60 participants attended the workshop that was being facilitated by Madam Sharifah Nur Diana Wan Mustapha, a young entrepreneur in the field and owner of 'Chubblechox'.*



## PAMERAN 'MENGINGATI ANTHONY' MENDAPAT SAMBUTAN HANGAT DI MIRI

Pustaka Miri telah mengadakan pameran Raja Muda Terakhir Sarawak, Anthony Walter Dayrell Brooke, dari 20 Jun hingga 31 Ogos 2012. Bertemakan 'Mengingati Anthony', pameran memaparkan kehidupan seorang raja dari tahun awal hinggalah ke pengalaman beliau sebagai Raja Muda, Sarawak semasa pemerintahan British sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 2011 di usia 98. Pameran ini juga turut memaparkan setem dari era Brooke, yang merupakan koleksi peribadi seorang penggemar dan pengumpul barangan antik, Lucas Johnny.

## OVERWHELMING RESPONSE FOR 'REMEMBERING ANTHONY' EXHIBITION IN MIRI



*Pustaka Miri held an exhibition on the last Rajah Muda of Sarawak, Anthony Walter Dayrell Brooke, from 20th June until 31st August 2012. Themed 'Remembering Anthony', the exhibition provided insights into his life from his early years to his experiences as the Rajah Muda of Sarawak during the British rule up until his demise in 2011 at the age of 98. The exhibition also displayed stamps from the Brooke era, which is the personal collection of avid antique collector, Lucas Johnny.*



## PUSTAKA MIRI HARGAI PENGGUNA

Pustaka Miri telah membuat penghargaan kepada 25 orang pengguna untuk 2 kempen. Seramai 5 orang ahli Pustaka Miri telah dikenalpasti sebagai pemenang program promosi 'Active Reader' yang bertujuan untuk menggalak masyarakat meminjam dan membaca lebih banyak buku. Kempen ini diadakan 2 kali setahun. Seramai 20 orang lagi ahli telah menerima sijil penghargaan dan hadiah saguhati di atas sumbangan mereka membuat promosi 'Member Get Member' yang diadakan setiap bulan. Pada setiap bulan, 5 orang ahli yang memperkenalkan rakan atau keluarga untuk mendaftar sebagai ahli Pustaka akan dihargai usahanya. Majlis penyampaian hadiah telah diadakan pada 9 Ogos 2012 dan disempurnakan oleh Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak, Japri Haji Bujang Masli.

## *PUSTAKA MIRI ACKNOWLEDGED THE LIBRARY SUPPORTERS*

*Pustaka Miri has acknowledged a total of 25 of its supporters for 2 of the library's campaigns. 5 library members were acknowledged for the 'Active Readers' promotion which is aimed to encourage the community to borrow and read more books. The campaign is held bi-annually. Another 20 Pustaka Miri's members received similar prizes for their contribution in the 'Member-Get-Member' promotion which is held monthly. Every month, 5 members who introduced the most library's registered members are acknowledged for their effort. A simple prize-giving ceremony was held on 9th August 2012 where Pustaka Negeri Sarawak's Acting Chief Executive Officer Japri Haji Bujang Masli, gave away the prizes.*



## PROJEK PELITA 2012 MENDAPAT SAMBUTAN BAIK ORANG AWAM

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerajasama UKEC (United Kingdom and Eire Council for Malaysian Students) gabungan Persatuan Pelajar Malaysia di universiti dan kolej United Kingdom dan Ireland telah mengadakan pelancaran Projek Pelita 2012 pada 17 Julai 2012 di Kelab Golf Sarawak. Projek Pelita adalah program amal oleh sekumpulan sukarelawan untuk mengumpul buku-buku lama yang akan diagih di perpustakaan-perpustakaan pedalaman Sarawak. Pustaka Negeri Sarawak telah berkerjasama dengan sukarelawan UKEC bagi memastikan semua buku dikumpul secara teratur dan disalur ke perpustakaan-perpustakaan yang memerlukan.

## *'PROJEK PELITA' 2012 RECEIVED POSITIVE RESPONSE FROM THE PUBLIC*



*Pustaka Negeri Sarawak in collaboration with UKEC (United Kingdom & Eire Council for Malaysian Students) and Persatuan Pelajar Malaysia from universities and colleges in United Kingdom & Ireland organised 'Projek Pelita 2012'. It was launched on 17th July 2012 at Kelab Golf Sarawak.It is a charitable activity /programme initiated by a group of volunteers who collected old books for further distribution to libraries in the rural areas. Pustaka Negeri Sarawak with the assistance of UKEC ensure that the books are distributed accordingly to the libraries that are in need of supplies.*



### PELANCARAN PAMERAN FOTOGRAFI 'THE WORLD OF PUSTAKA'

Kumpulan QueBah Clicks (QBC) iaitu kumpulan di laman sosial Facebook dengan kerjasama Pustaka Negeri Sarawak telah mengadakan pelancaran Pameran Fotografi 'The World of Pustaka'. Pameran telah dilancarkan secara elektronik alam maya oleh Timbalan Menteri Sains dan Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah Yusof bersempena dengan sambutan Hari Fotografi Sedunia. Seramai 15 jurufoto bertaraf amatur dan profesional telah menyertai pameran tersebut dengan mempamerkan 36 foto sementara ratusan foto yang lain ditayang menggunakan slaid. Selain pameran fotografi, bengkel dan forum turut dianjurkan untuk manfaat penggemar dan penggiat fotografi.



### *LAUNCHING OF PHOTOGRAPHY EXHIBITION ON 'THE WORLD OF PUSTAKA'*

*QueBah Clicks (QBC), a Facebook Group, and Pustaka Negeri Sarawak held a photography exhibition – 'The World of Pustaka'. It was launched by the Assistant Minister of Science, Technology and Innovation, Datuk Haji Fadillah Yusof in conjunction with the World Photography Day. About 15 photographers, amateurs and professionals took part, exhibiting 36 photos and hundreds of slides.Workshops and forums were also held for those interested in the field.*



### PERTANDINGAN PERPUSTAKAAN KELUARGA 2012 PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan pertandingan Perpustakaan Keluarga 2012 yang diadakan pada 1 April - 25 Mei 2012. Pertandingan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu rumah desa/kampung dan taman perumahan. Pertandingan ini terbuka kepada penduduk di sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan sahaja. Pustaka telah menerima 5 penyertaan daripada kawasan perumahan di sekitar Bandaraya Kuching dan Samarahan. Pada 22 September 2012, telah diadakan majlis penyampaian sijil dan hadiah oleh Encik Japri Bujang Masli, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak.



### *PUSTAKA NEGERI SARAWAK'S COMPETITION ON 'PERPUSTAKAAN KELUARGA 2012'*

*Residents in Kuching City and Samarahan areas were given the oppurtunity to participate in 'Perpustakaan Keluarga 2012' competition organised by Pustaka Negeri Sarawak from 1st April - 25th May 2012. The competition was divided into 2 categories, that is 'desa/kampung' and 'taman perumahan'. 5 individuals took part in this competition. The prize giving ceremony was held on 22nd September 2012 by Pustaka Negeri Sarawak Acting CEO Mr. Japri Haji Bujang Masli.*



## MINGGU KEUSAHAWANAN 2012 DI PUSTAKA NEGERI SARAWAK

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama TEKUN Nasional, Amanah Saham Nasional Berhad dan Kolej SATT telah mengadakan Minggu Keusahawanan 2012 pada 28-30 September 2012 bertempat di Pustaka Negeri Sarawak. Antara aktiviti yang diadakan adalah Seminar Rancangan Perniagaan oleh TEKUN Nasional yang bertujuan untuk memberi khidmat nasihat kepada bakal usahawan untuk memilih bidang perniagaan yang menguntungkan dan agensi yang boleh dirujuk untuk mendapatkan pembiayaan.Manakala Amanah Saham Nasional Berhad pula menganjurkan Seminar Pelaburan 360 Hari. Semasa Minggu Keusahawanan turut diadakan Bengkel "Homemade Chocolate", Bengkel Kek Cawan (cupcake) dan Bengkel Kraftangan Manik.

## 'MINGGU KEUSAHAWANAN 2012' AT PUSTAKA NEGERI SARAWAK



*Pustaka Negeri Sarawak collaborated with TEKUN Nasional, Amanah Saham Nasional and SATT College to organise the 'Minggu Keusahawanan 2012' on 28th-30th September 2012 at Pustaka Negeri Sarawak.Among the activities and programme lined up were a seminar by TEKUN Nasional entitled 'Seminar Rancangan Perniagaan', giving advice to future entrepreneurs on how to choose a profitable business and agencies that they can approach for sponsorship. Amanah Saham Nasional Berhad presented a seminar on 'Pelaburan 360 Hari'. Workshops on homemade chocolate, cupcakes and local handicrafts on beads were also organised on the same day.*



## KENALI CINA PERANAKAN DI PUSTAKA MIRI

Pameran 'Koleksi Antik Cina Selat' telah diadakan di Pustaka Miri pada 9 Oktober - 9 November 2012. Tujuannya adalah untuk mendedahkan kepada pelawat mengenai budaya baba nyonya atau masyarakat peranakan cina. Lebih daripada 100 barangan antik dari pengumpul tempatan iaitu Lucas Johnny telah dipamerkan.Antara barang yang dipamerkan adalah kasut kecil berantai, porselin dan seramik pasu, mangkuk serta hiasan, barangan kaca dan kebaya lama. Lucas adalah salah seorang daripada Rakan Pustaka atau 'Friends of Library' (FOL) dan telah terlibat secara aktif dalam aktiviti-aktiviti perpustakaan selama hampir 10 tahun.

## GETTING TO KNOW THE CHINESE PERANAKAN AT PUSTAKA MIRI



*An exhibition on 'Chinese Straits Antique Collection' was held at Pustaka Miri on 9th October - 9th November 2012. The objective was to expose visitors to the unique culture of the Baba Nyonya or Chinese Peranakan community.More than 100 antique items from local avid collector Lucas Johnny were put on display. Amongst the items were the tiny lotus foot shoes; porcelain and ceramic vases, bowls as well as decorations; glassware; and old-fashioned kebayas. Lucas is one of Pustaka Miri's Friends of the Library (FOL) and has been actively involved in the library activities for nearly 10 years.*



### PERTANDINGAN CIPTAREKATIVITI 2012 ANJURAN PUSTAKA

Buat pertama kalinya Komiti 5S menganjurkan Pertandingan ciptaREKAtiviti pada 22 Oktober 2012 bertempat di Lobi, Pustaka Negeri Sarawak. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mencetus idea kreatif dan inovatif selain meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah, pemikiran kritikal dan komunikasi dan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama di antara setiap ahli dan staf di Pustaka Negeri Sarawak. Konsep program adalah menggunakan bahan-bahan terbuang atau harian yang boleh digunakan semula dan bahan yang dicipta boleh digunakan untuk perhiasan atau boleh diletakkan di beberapa lokasi yang bersesuaian di Pustaka Negeri Sarawak dan di Jabatan lain.

### *'CIPTAREKATIVITI' CONTEST 2012 BY PUSTAKA*



*The 5S Committee of Pustaka Negeri Sarawak successfully organized the first ever 'Ciptarekativiti' contest at the lobby of Pustaka Negeri Sarawak on 22nd October 2012. The main objective of this programme was to inspire the staff members to be more creative and innovative in their approach to problem-solving, critical thinking and communication skills. With the concept of recycling, daily domestic waste as the main material for their project work, staff produced items as decorations and later be placed at several appropriate corners and attractive areas inside the building.*



### PUSTAKA ANJUR SPELLING WIZARD CHALLENGE 2012

Pada 5 November 2012, Bahagian Perkhidmatan Maklumat telah menganjurkan "Spelling Wizard Challenge 2012" bagi kategori sekolah rendah kerajaan di Auditorium, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini telah berlangsung selama 4 jam dan disertai oleh 15 orang peserta. Majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan ini telah disempurnakan oleh Puan Hayati Haji Sabil, Ketua Sektor Perkhidmatan Perpustakaan, Pustaka Negeri Sarawak. Pertandingan ini telah dimenangi oleh adik Isaac Chung dari SJK Chung Hua No.4, tempat ke-2 pula dimenangi oleh adik Jack Chan dari SK St Joseph dan tempat ke-3 dimenangi oleh Caleb Chieng dari SK Sam Hup Kee.

### *PUSTAKA'S SPELLING WIZARD CHALLENGE 2012*



*The Information Service Division of Pustaka Negeri Sarawak organized the 'Spelling Wizard Challenge 2012' on 5th November 2012. The participation was opened only to primary school students and was held at the Auditorium of Pustaka Negeri Sarawak. The competition lasted about 4 hours and there were 15 participants who took part in the challenge. Madam Hayati Haji Sabil, the Head of Library Services Sector, Pustaka Negeri Sarawak, handed over the prizes to the winners. The first place went to Isaac Chung who was representing SJK Chung Hua No.4, the second prize went to Jack Chan of St. Joseph Primary School and the third prize went to Caleb Chieng of Sam Hup Kee Primary School.*



### PAMERAN FOTOGRAFI 'SATU IKATAN BERKEKALAN: SAMBUTAN ULANG TAHUN KE-50 KOR KEAMANAN MALAYSIA' DI PUSTAKA MIRI

Pustaka Miri telah menganjurkan satu pameran fotografi 'Satu Ikatan Berkekalan: Sambutan Ulang Tahun ke-50 Kor Keamanan Malaysia' bermula 1 November 2012. Pameran fotografi yang diadakan di Pustaka Miri dengan kerjasama Pusat Sumber Lincoln di Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia adalah bertujuan untuk memperingati dan meraikan ulang tahun ke-50 Kor Keamanan Amerika Syarikat di Malaysia.Pameran ini memaparkan gambar-gambar dan cerita-cerita para sukarelawan yang telah menghabiskan masa mereka di Malaysia, terutamanya di Sarawak, serta cerita-cerita masyarakat tempatan di Sarawak yang mempunyai pengalaman peribadi bekerja atau belajar dengan sukarelawan Amerika Syarikat.

### *PHOTOGRAPHY EXHIBITION ON 'AN ENDURING BOND: CELEBRATING THE 50TH ANNIVERSARY OF PEACE CORPS MALAYSIA' AT PUSTAKA MIRI*



*Pustaka Miri hosted a photography exhibition on 'An Enduring Bond: Celebrating The 50th Anniversary of Peace Corps Malaysia' from 1st November 2012.The photo exhibition, which was flown in to Miri by U.S. Embassy Malaysia's Lincoln Resource Center, was to commemorate and celebrate the 50th anniversary of the US Peace Corps in Malaysia. It exhibited stories during the time the volunteers were in Malaysia, in particular Sarawak, as well as stories from Sarawakians who had personal experiences working with or learning from the volunteers.*



### KEMPEN KEBERSIHAN : SAYA SAYANG PUSTAKA (PERSEKITARAN BERSIH, MINDA CERDAS) PERINGKAT PUSTAKA MIRI

Kempen Kebersihan: Saya Sayang Pustaka telah diadakan di Pustaka Miri pada 9 Ogos 2012 yang lalu. Kempen ini merupakan salah satu inisiatif Komiti 5S Pustaka Miri bagi mewujudkan amalan persekitaran berkualiti (5S) dalam usaha menjadikan Pustaka Miri sebagai kawasan yang bersih, indah dan selamat kepada orang awam dan pengunjung. Sehubungan dengan itu, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Pustaka Negeri Sarawak Japri Haji Bujang Masli telah merasmikan kempen tersebut dan sekaligus telah mengedarkan penanda buku kempen kepada para pengguna dan kakitangan Pustaka Miri.

### *PUSTAKA MIRI CLEANING CAMPAIGN: 'I LOVE PUSTAKA' (A CLEAN ENVIRONMENT, AN ACTIVE MIND)*



*The cleaning campaign "I Love Pustaka' initiated by the 5S Committe of Pustaka Miri that was held on 9th August 2012 with the aim to enforce the 5S practices as an effort to make Pustaka Miri a clean and beautiful place for the public and visitors. The campaign was launched by the Acting CEO of Pustaka Negeri Sarawak, Mr. Japri Haji Bujang Masli. One of the activities during the campaign was the distributing of bookmarks to the participants and staff members by the CEO himself.*

PUSTAKA NEGERI SARAWAK
3 2000 001172898



## PROGRAM LAN BERAMBEH DI SMK PESANTREN ABDUL TAIB MAHMUD

Pada 2 November 2012 yang lalu, Pustaka Negeri Sarawak telah menganjurkan program 'Lan Berambeh' bersama pelajar SMK Pesantren Abdul Taib Mahmud. Di antara aktiviti yang telah diadakan ialah Program Literasi Maklumat. Para pelajar telah diberi pendedahan berkenaan sumber-sumber rujukan yang berkaitan untuk tujuan rujukan dan pembelajaran di samping teknik pencarian dan penggunaan maklumat dengan berkesan. Para guru dan kakitangan juga tidak ketinggalan mengikuti Program Born To Read. Pada sebelah petang pula, para pelajar diberi taklimat mengenai perkhidmatan u-Pustaka iaitu perkhidmatan perpustakaan 1 Malaysia yang menyediakan akses maklumat dan peminjaman buku walau dimana jua berada.

## *PUSTAKA NEGERI SARAWAK ORGANIZED 'LAN BERAMBEH' PROGRAMME AT SMK PESANTREN ABDUL TAIB MAHMUD*



*On 2nd November 2012, Pustaka Negeri Sarawak organized "Lan Berambeh" programme especially for the students of SMK Pesantren Abdul Taib Mahmud. Among the activities were Information Literacy Programme. Thus, students were exposed to various kinds of sources that they can use as references when searching for particular information. While the students enjoyed the programme, the teachers and staff members of SMK Pesantren Abdul Taib Mahmud were given their own special slot of "Born to Read". In the afternoon session, students attended a talk on the U-Pustaka Service and 1 Malaysia Library, that can provide unlimited access of book reading and other additional information wherever they are.*



## PAMERAN SENI VISUAL KETENGAHKAN KEMAHIRAN KARYA SENI

Bagi memperkembangkan kemahiran dalam penghasilan karya seni visual Pustaka Negeri Sarawak telah berkerjasama dengan 4 orang penggiat seni visual tempatan dalam menjayakan Pameran Seni Visual 2012. Pameran telah berlangsung pada 23 November - 31 Disember 2012. Pelbagai teknik telah digunakan oleh pelukis dalam menghasilkan karya seni yang menarik minat pengunjung untuk datang ke pameran tersebut antaranya ialah kolaj, catan, sapuan campuran dan sebagainya. Antara pelukis yang mempamerkan hasil karya mereka ialah guru bahasa dan Pendidikan Seni Visual Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, Mohd Zaidi Wahab, guru Seni Visual SMK ST. Thomas, Abdul Razaq Abdul Kudus Lait dan guru Pendidikan Khas Sekolah Sukan Tabuan Jaya, Mohd Jamel Nusi.

## *VISUAL ART EXHIBITION HIGHLIGHTS THE ARTISTICS WORK AND SKILLS OF LOCAL TALENTS*



*Pustaka Negeri Sarawak showcased the work of 4 Local Artist in a Visual Art Exhibition 2012, from 23rd November- 31st December 2012. Amongst the artists taking part in the exhibition were En. Mohd. Zaidi Wahab from Kolej Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah, a teacher in Language and Visual Art, En. Abdul Razaq Abdul Kudus Lait from SMK ST. Thomas, a teacher in Visual Art and En. Mohd. Jamel Nusi who teaches Special Needs Education at Sekolah Sukan Tabuan Jaya. Collage, painting, and mixture spread techniques of art making demonstrated by the artists were among the highlights that have captured the interest of visitors to the exhibition.*

## Pencapaian Bahagian Penyerahan Bahan Terbitan | *Legal Deposit Division Highlights*



### BENGKEL PENULISAN ESEI SEJARAH 2012 MENDAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

Seramai 150 peserta terdiri daripada pengkarya sejarah dan pelajar menyertai Bengkel Penulisan Esei Sejarah 2012 anjuran Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak (PSMCS), Pustaka Negeri Sarawak dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Sarawak. Bengkel 3 hari bermula pada 13 Januari 2012 yang diadakan di Hotel One Santubong ini bertujuan mencungkil bakat serta menggilap kemahiran dan teknik menulis esei sejarah. Bengkel ini merupakan platform untuk melahirkan penulis-penulis esei sejarah yang berwibawa terutamanya golongan belia. Antara pembimbing profesional yang mengendalikan bengkel ini ialah Dr. Jeniri Amir, Nadrawina Isnin, Jati Kasuma Ali dan Nor Fadleen Mahmud. Turut hadir di majlis perasmian bengkel ini ialah Pengerusi Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Sarawak (PSMCS), Datu Putit Matzen.

### *WORKSHOP ON HISTORICAL ESSAY WRITING 2012*



*A total of 150 participants, comprising of students and history writers took part in the workshop organised by Persatuan Sejarah Malaysia of the Sarawak Branch (PSMCS), Pustaka Negeri Sarawak and Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak. The 3-day workshop that was held at Hotel One Santubong, from 13th January 2012, aims to expose new talents, nurture skills and techniques on history essay writing. The workshop also serves as a platform for talented youth writers to obtain direct experience being guided by professionals in the fundamentals of the many aspects of good writing. Among the professionals who were invited to facilitate and conduct the workshop were Dr. Jeniri Amir, Nadrawina Isnin, Jati Kasuma Ali and Nor Fadleen Mahmud. Also present to preside the officiating ceremony of this workshop was Chairman of PSMCS, Datu Putit Matzen.*



### SEMINAR KESEDARAN PENYERAHAN BAHAN-BAHAN TERBITAN 2012 DI DEWAN SUARAH SRI AMAN

Seminar Kesedaran Bahan-bahan Terbitan 2012 telah diadakan pada 3 – 4 Julai 2012 di Dewan Suarah, Sri Aman. Seramai lebih dari 100 orang peserta yang terdiri daripada ketua masyarakat dan kakitangan kerajaan telah menyertai seminar tersebut. Seminar ini merupakan anjuran Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama Pejabat Residen Bahagian Sri Aman dan telah dirasmikan oleh Ahli Parlimen Sri Aman, Masir Kujat. Objektif seminar ini adalah untuk menjalinkan kerjasama antara penerbit dan Pustaka Negeri Sarawak serta tanggungjawab mereka terhadap keperluan yang termaktub di bawah Sarawak State Libray Ordinance 1999.Turut hadir ke masjlis perasmian tersebut ialah Residen Bahagian Sri Aman, Johnathan Lugoh, Pemanca Samuel Lawen, ketua - ketua jabatan dan ketua-ketua masyarakat.

### *LEGAL DEPOSIT SEMINAR 2012 AT DEWAN SUARAH SRI AMAN*



*Legal Deposit Seminar 2012 that was held on the 3rd - 4th July 2012 at the Dewan Sri Aman attracted the participation of about 100 individuals, comprising of mainly community leaders and government officials. This seminar encourages a closer rapport between the publishers and Pustaka Negeri Sarawak with reference to their responsibility as stated in the Sarawak State Library Ordinance 1999. This event that was organised in collaborative effort between Pustaka Negeri Sarawak and the Resident's Office of Sri Aman, was officiated by Member of Parliament Sri Aman, Mr. Masir Kujat. Also present during the launching was the Sri Aman Resident, Mr. Jonathan Lugoh, Pemanca Samuel Lawen, Head of Departments, and Community Leaders.*

## Ringkasan Statistik Korporat | *Corporate Statistical Summary*

### A) Ringkasan Statistik Bilangan Staf | *Total Staff Statistical Summary*

Jumlah Kakitangan setakat 31 Disember 2012 | *Staff Strength as of 31 December 2012*

| | Tetap / *Permanent* | Sukarelawaan / *Volunteer* | Kontrak / *Contract* | **Jumlah / *Total*** |
|---|---|---|---|---|
| Pustaka Negeri Sarawak | 72 | 4 | 29 | **105** |
| State Records Repository | 7 | 1 | 7 | **15** |
| Pustaka Miri | 24 | 1 | 12 | **37** |

### B) Ringkasan Statistik Latihan | *Traning Statistical Summary*

Bilangan Kursus Umum & Khusus setakat 31 Disember 2012 | *Number of Generic & Specific training as of 31 December 2012*

| | Jenis Latihan / *Types of Training* | |
|---|---|---|
| Bulan / Month | Umum 2012 / *Generic 2012* | Khusus 2012 / *Specific 2012* |
| Januari | 4 | 4 |
| Februari | 9 | 10 |
| Mac | 2 | 11 |
| April | 0 | 13 |
| Mei | 5 | 10 |
| Jun | 3 | 10 |
| Julai | 11 | 11 |
| Ogos | 4 | 2 |
| September | 1 | 11 |
| Oktober | 5 | 14 |
| November | 10 | 11 |
| Disember | 2 | 4 |
| **Jumlah / *Total*** | **56** | **111** |

Jumlah Latihan | *Number of Training Conducted*

| | 2012 |
|---|---|
| Jumlah kursus dijalankan / *No. of training conducted* | 167 |
| Jumlah staf dilatih / *No. of staff trained* | 173 |

Jumlah & Kekerapan berkursus setakat Disember 2012 | *Total number & Frequency of persons trained as of December 2012*

| | Bilangan Staf Yang Dilatih / *Number of Persons Trained* | |
|---|---|---|
| Bulan / *Month* | Pegawai A dan B / *A and B Officers 2012* | Staf Sokongan / *Support Group 2012* |
| Januari / *January* | 16 | 7 |
| Februari / *February* | 21 | 42 |
| Mac / *March* | 34 | 14 |
| April / *April* | 37 | 35 |
| Mei / *May* | 22 | 35 |
| Jun / *June* | 27 | 14 |
| Julai / *July* | 43 | 81 |
| Ogos / *August* | 25 | 20 |
| September / *September* | 19 | 36 |
| Oktober / October | 25 | 26 |
| November / November | 40 | 70 |
| Disember / *December* | 6 | 16 |
| **Jumlah / *Total*** | **315** | **396** |

C) Ringkasan Statistik Penggunaan Kemudahan | *Usage of Facilities Statistical Summary*

Penggunaan Kemudahan Pustaka Negeri Sarawak pada tahun 2012 | *Usage of Facilities in Pustaka Negeri Sarawak for the year 2012*

| No. | Fasiliti / *Facilities* | 2012 |
|---|---|---|
| 1 | Auditorium / *Auditorium* | 47 |
| 2 | Persidangan 1 / *Conference 1* | 77 |
| 3 | Persidangan 2 / *Conference 2* | 45 |
| 4 | Bilik Perbincangan 3 / *Discussion 3* | 11 |
| 5 | Bilik Latihan ICT / *ICT Training Room* | 74 |
| 6 | Galeri Pustaka / *Pustaka Gallery* | 77 |
| 7 | Seminar 1 / *Seminar 1* | 25 |
| 8 | Seminar 2 / *Seminar 2* | 6 |
| 9 | Seminar 1 dan 2 / *Seminar 1 and 2* | 68 |
| 10 | Lain-lain (Komputer / Bilik Perbincangan 1&2 / Kerusi bankuet) / *Others (Computers / Discussion Rooms 1&2 / Banquet Chairs)* | 7,485 |
| | **Jumlah / *Total*** | **7,915** |

Penggunaan Kemudahan Pustaka Miri pada tahun 2012 | *Usage of Facilities in Pustaka Miri for the year 2012*

| No. | Fasiliti / *Facilities* | 2012 |
|---|---|---|
| 1 | Auditorium / *Auditorium* | 131 |
| 2 | Bilik AV / *AV Room* | 145 |
| 3 | Bilik Serbaguna / *Multipurpose Room* | 81 |
| 4 | Bilik Mesyuarat / *Meeting Room* | 195 |
| 5 | Bilik Perbincangan / *Discussion Room* | 708 |
| | **Jumlah / *Total*** | **1,260** |

## Ringkasan Statistik Perkhidmatan Perpustakaan | *Library Services Statistical Summary*

A) Ringkasan Statistik Keahlian | *Membership Statistical Summary*

Bilangan Ahli Baru | *Number of New Members*

| | 2012 |
|---|---|
| Pustaka Negeri Sarawak | 5,057 |
| Pustaka Miri | 1,899 |
| **Jumlah / *Total*** | **6,956** |

Bilangan Ahli yang Berdaftar | *Number of Registered Members*

| | 2012 |
|---|---|
| Pustaka Negeri Sarawak | 71,192 |
| Pustaka Miri | 20,667 |
| **Jumlah / *Total*** | **91,859** |

Bilangan Ahli yang Aktif | *Number of Active Members*

| | 2012 |
|---|---|
| Pustaka Negeri Sarawak | 7,611 |
| Pustaka Miri | 3,264 |
| **Jumlah / *Total*** | **10,875** |

**B) Ringkasan Statistik Lawatan | *Visits Statistical Summary***
**Bilangan Pengguna / Pengunjung | *Number of Users / Visitors* :**

| | 2012 | | |
|---|---|---|---|
| | Pengguna Dalaman / *Onsite Users* | Pengguna Kaunter / *Counter Users* | Pelawat / *Visitors* |
| Pustaka Negeri Sarawak | 182,571 | 19,130 | 2,512 |
| Pustaka Miri | - | 73,668 | 1,524 |
| **Jumlah / *Total*** | **182,571** | **92,798** | **4,036** |

**C) Ringkasan Statistik Sirkulasi | *Circulation Statistical Summary***
**Bilangan Transaksi Sirkulasi | *Number of Circulation Transactions***

| | 2012 | | |
|---|---|---|---|
| | Pinjaman / *Check In* | Pemulangan / *Check Out* | Penggunaan Dalaman / *In House Use* |
| Pustaka Negeri Sarawak | 69,196 | 70,075 | 18,762 |
| Pustaka Miri | 39,715 | 40,291 | 3,443 |
| **Jumlah / *Total*** | **108,911** | **110,366** | **22,205** |

**D) Ringkasan Statistik Aktiviti | *Activity Statistical Summary***

| | 2012 Bilangan Aktiviti / *No. of Activities* | |
|---|---|---|
| | Kuching | Miri |
| Literasi Maklumat / *Information Literacy* | 25 | 18 |
| Pameran / *Exhibitions* | 38 | 22 |
| Ceramah / *Talks* | 14 | 17 |
| Forum / *Forum* | 2 | 2 |
| Bengkel / *Workshop* | 5 | 20 |
| Program Golongan Khas / *Special Needs Program* | 15 | - |
| Aktiviti Kanak-Kanak / *Children Activities* | 119 | 97 |
| Program Belia / *Youth Program* | 7 | 3 |
| Tayangan Video / *Video Screening* | 24 | 4 |
| Bacaan Kegemaran Saya / *My Favourite Read* | 11 | 2 |
| Program Jangkauan Ilmu / *Outreach Program* | 50 | 11 |
| Rakan Pintar / *Smart Partnership* | 73 | 33 |
| **Jumlah / *Total*** | **383** | **229** |

**E) Ringkasan Statistik Perkhidmatan Rujukan | *Reference Services Statistical Summary***

| | 2012 | | |
|---|---|---|---|
| | Reference Desk | librarian@sarawaknet | GENIE |
| Pustaka Negeri Sarawak | 452 | 775 | - |
| Pustaka Miri | 1,101 | Centralized in Kch | - |
| **Jumlah / *Total*** | **1,553** | **775** | - |

F) Ringkasan Statistik Koleksi | *Collection Statistical Summary*
Bilangan Koleksi Mengikut Kategori / *Number of Collection by Category*

| | 2012 | |
|---|---|---|
| | Bercetak / *Print* | Bukan Bercetak / *Non-print* |
| Pustaka Negeri Sarawak | 179,435 | 11,380 |
| Pustaka Miri | 43,552 | 2,161 |
| **Jumlah / *Total*** | **222,987** | **13,541** |

G) Ringkasan Statistik Item | *Items Statistical Summary*
Bilangan Pembelian Barang Mengikut Tajuk | *Number of Items Purchased by Title*

| | Pustaka Negeri Sarawak | Pustaka Miri |
|---|---|---|
| 2012 | 6,113 | 4,139 |

H) Ringkasan Statistik Barang Diproses | *Processing Items Statistical Summary*
Bilangan Barang Diproses | *Number of Processing Items*

| | Pustaka Negeri Sarawak | Pustaka Miri |
|---|---|---|
| 2012 | 14,616 | 2,723 |

I) Ringkasan Statistik Penggunaan Jurnal | *Journal Usage Statistical Summary*
Bilangan Penggunaan Jurnal | *Number of Journal Usage*

| | 2012 | |
|---|---|---|
| | Bilangan Jurnal *Quantity of Journals* | Penggunaan Jurnal *Journal Usage* |
| Pustaka Negeri Sarawak | 578 | 4,136 |
| Pustaka Miri | 35 | 770 |
| **Jumlah / *Total*** | **613** | **4,906** |

J) Ringakasan Statistik Penggunaan Pangkalan Data Dalam Talian | *Online Database Usage Statistical Summary*

| No. | Pangkalan Data Dalam Talian / *Online Databases* | 2012 |
|---|---|---|
| 1 | BRITISH STANDARD ONLINE | 116 |
| 2 | BRITANNICA ONLINE | 65 |
| 3 | EMERALD | 364 |
| 4 | GLOBAL PERIODICAL | 72 |
| 5 | GROLIER ONLINE | 25 |
| 6 | GALE DATABASE | 165 |
| 7 | KEESING'S WORLD NEWS ARCHIVE | 17 |
| 8 | LIBRARY PRESS DISPLAY | 1087 |
| 9 | OCLC | 27 |
| 10 | OXFORD ENG DIC | 41 |
| 11 | OXFORD ISLAMIC STUDIES ONLINE | 15 |
| 12 | OXFORD REF ONLINE | 20 |
| 13 | GEOLOGY | 12 |
| 14 | SAGE | 65 |
| 15 | INFORMA WORLD | 40 |
| 16 | MARKETLINE | 19 |
| 17 | BOOKS 24X7 | 202 |
| 18 | CAB EBOOKS | 85 |
| 19 | IGI GLOBAL INFOSCI BOOK | 15 |
| 20 | NET LIBRARY | 98 |

| No. | Pangkalan Data Dalam Talian / *Online Databases* | 2012 |
|---|---|---|
| 21 | SOCIETY OF INDUSTRIAL & APPLIED MATHEMATICS (SIAM EBOOKS) | 3 |
| 22 | WORLD BOOK WEB | 77 |
| 23 | SCITECHNETBASE | 27 |
| 24 | CAMBRIDGE LAW JOURNAL | 21 |
| 25 | OXFORD PETROLOGY | 14 |
| 26 | RSC PUBLISHING | 9 |
| 27 | SPRINGER LINK | 41 |
| 28 | TESOL | 17 |
| 29 | CLJ LAW | 128 |
| 30 | UDLTHESIS | 185 |
| 31 | MS ONLINE SYSTEM | 187 |
| 32 | LAWNET | 136 |
| 33 | ACCESS LEARNING | 30 |
| 34 | CABI DESCRIPTION OF FUNGI AND BACTERIA | 25 |
| 35 | CAMBRIDGE EBOOKS | 73 |
| | **Jumlah / *Total*** | **3,523** |

K) Statistik Capaian Jarak Jauh Pangkalan Data Dalam Talian | *Online Database Remote Access Statistics*

